



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 6 JANUARI 2023

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	SEKTOR TANI, AGROMAKANAN RUGI RM111.95j AKIBAT BANJIR, NASIONAL, BH -8 KERAJAAN PERLU MASA STABILKAN BEKALAN TELUR, NASIONAL, SH -10 KERAJAAN PERLU MASA STABILKAN BEKALAN TELUR - MAT SABU, MALAYSIA MSN -ONLINE SEKTOR PERTANIAN, AGROMAKANAN RUGI RM111.95 JUTA AKIBAT BANJIR, MALAYSIA NOW -ONLINE RM110mil WIPED OUT OF AGRICULTURAL SECTOR DUE TO FLOODS, NATION, SIN CHEW DAILY -6 TIME NEEDED IN ORDER FOR EGG SUPPLY TO STABILISE, CHINA PRESS -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
7.	PENGUSAHA LADANG AYAM DIBERI AMARAN AKHIR, NEGERI SEMBILAN, SH -25	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
8. 9. 10.	'MEREKA SEOLAH-OLAH SUDAH MENGAWAL PERAIRAN NEGARA', LOKAL, HM -6 NELAYAN ASING 'PIJAK KEPALA', LOKAL, HM -6 APMM USAHA PASTIKAN PERAIRAN SENTIASA AMAN, LOKAL, HM -7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11.	SAYUR TURUN RM2-RM4 SEKILOGRAM, NASIONAL, BH -19	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
12.	SEKTOR PERTANIAN RUGI RM48.7 JUTA, NEGARA, KOSMO -15	LAIN-LAIN

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2023	BERITA HARIAN	NASIONAL	8



Mohamad (kanan) menyampaikan Kits Bantuan Bencana Banjir kepada warga MAFS di Kota Bharu, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Sektor tani, agromakanan rugi RM111.95j akibat banjir

Kota Bharu: Sektor pertanian dan agromakanan mengalami kerugian RM111.95 juta akibat bencana Monsun Timur Laut (MTL) baru-baru ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Mohamad Sabu, berkata ia membabitkan 24,700 hektar kawasan pertanian, selain membabitkan 12,000 petani dan penternak serta pengusaha agromakanan di seluruh negara.

Bagaimanapun, katanya, bekalan makanan negara tidak terjejas kerana ditampung oleh pengeluaran makanan negeri yang tidak dilanda banjir di Pantai Barat.

"Susulan itu, MAFS menyediakan pelbagai bantuan bagi membantu mereka yang terjejas, termasuk pemberian kit makanan sebanyak 6,700 kit sedia un-

tuk dimasak, 3,000 kit sedia untuk dimakan dan 1,000 kit kebersihan dengan jumlah peruntukan RM1 juta.

"Bantuan lain disumbangkan adalah peralatan industri asas tani, input dan peralatan bagi pertanian dan perikanan, jentera mekanisasi dan automasi berskala kecil," katanya selepas Majlis Penyerahan Kits Bantuan Bencana Banjir kepada warga MAFS Kelantan di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha MAFS, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Mengulas lanjut, katanya, sebanyak RM2.45 juta peruntukan disediakan melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Headline	Kerajaan perlu masa stabilkan bekalan telur		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Jan 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	10	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	159 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,371
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,113



Kerajaan perlu masa stabilkan bekalan telur



MOHAMAD

KOTA BHARU -

Kerajaan memerlukan masa untuk menstabilkan bekalan telur di pasaran negara ini bagi memenuhi permintaan pengguna.

Perkara tersebut diakui sendiri Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu yang menjelaskan bahawa keperluan makanan

memerlukan masa untuk dipulihkan.

"Dalam soal ini, kerajaan tidak boleh menentukan tempoh masa kerana ia melibatkan soal makanan. Kalau banjir kita boleh tahu jumlah kerosakan?"

"Penyakit ayam hendak datang pun kita tidak boleh nak tahu," katanya pada sidang akhbar Majlis Penyerahan Kit Bantuan Bencana Banjir kepada warga MAFS Kelantan di Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di sini pada Khamis.

Bagaimanapun kerajaan sedang berusaha untuk menstabilkan bekalan tersebut dan antara usaha yang diambil ialah dengan membawa masuk telur import bagi menampung keperluan rakyat.

Dalam perkembangan lain, Mohamad mendedahkan sektor pertanian dan agromakanan di negara ini mengalami kerugian RM111.95 juta akibat Monsun Timur Laut.

Katanya, berdasarkan laporan Pusat Pengurusan Bencana MAFS, ia turut menjejaskan 24.7 ribu hektar kawasan pertanian.

"Seramai 12,000 petani dan penternak serta pengusaha agromakanan seluruh negara juga terkesan dengan bencana alam sepanjang Monsun Timur Laut. Bagi meringankan beban mereka yang terkesan, peruntukan RM1 juta disediakan melalui MAFS Prihatin," ujar beliau.

Menurutnya, bantuan tersebut merangkumi 6,700 kit sedia dimasak, 3,000 kit sedia untuk dimakan dan 1,000 kit kebersihan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2023	MALAYSIA MSN	ONLINE	

Kerajaan perlu masa stabilkan bekalan telur - Mat Sabu

KOTA BHARU - Kerajaan memerlukan masa untuk menstabilkan bekalan telur di pasaran negara ini bagi memenuhi permintaan pengguna.



Mohamad (tengah) menyampaikan sumbangan kepada warga MAFS Kelantan pada Majlis Penyerahan Kit Bantuan Bencana Banjir di Pejabat FAMA, Kota Bharu pada Khamis. © Provided by Sinar Harian

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu berkata, keperluan makanan memerlukan masa untuk dipulihkan.

"Dalam soal ini, kerajaan tidak boleh menentukan tempoh masa kerana ia melibatkan soal makanan. Kalau banjir kita boleh tahu jumlah kerosakan?."

"Penyakit ayam hendak datang pun kita tidak boleh nak tahu," katanya semasa sidang akhbar Majlis Penyerahan Kit Bantuan Bencana Banjir kepada warga Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) Kelantan di Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di sini, pada Khamis.

Menurut beliau, bagaimanapun kerajaan sedang berusaha untuk menstabilkan bekalan tersebut.

Ujarnya, antara usaha diambil kerajaan ialah dengan membawa masuk telur import bagi menampung keperluan rakyat.

Dalam perkembangan lain, Mohamad mendedahkan sektor pertanian dan agromakanan di negara ini mengalami kerugian RM111.95 juta akibat Monsun Timur Laut (MTL).

Katanya, berdasarkan laporan Pusat Pengurusan Bencana MAFS, ia turut menjejaskan 24,700 hektar kawasan pertanian.

"Seramai 12,000 orang petani dan penternak serta pengusaha agromakanan seluruh negara terkesan dengan bencana alam sepanjang MTL.

"Bagi meringankan beban mereka yang terkesan, peruntukan RM1 juta disediakan melalui MAFS Prihatin," ujarnya.

Menurut beliau, bantuan tersebut merangkumi 6,700 kit sedia untuk dimasak, 3,000 kita sedia untuk dimakan dan 1,000 kit kebersihan.

Mohamad memberitahu, RM2.45 juta juga diperuntukkan melalui FAMA, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) untuk disumbangkan kepada komuniti agromakanan.

"Ia meliputi sumbangan peralatan industri asas tani, jentera mekanisasi serta peralatan-peralatan sokongan bersesuaian.

"Kementerian juga menyumbang sejumlah RM1 juta melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) berupa bantuan makanan dan ubat-ubatan ternakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2023	MALAYSIA NOW	ONLINE	

Sektor pertanian, agromakanan rugi RM111.95 juta akibat banjir

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu berkata laporan Pusat Pengurusan Bencana MAFS merekodkan kerosakan dan kerugian itu meliputi sekitar 24,700 hektar kawasan pertanian.



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu. Gambar: Bernama

Sektor pertanian dan agromakanan mengalami kerosakan dan kerugian berjumlah RM111.95 juta akibat bencana monsun timur laut (MTL) yang berlaku bulan lepas.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) Mohamad Sabu berkata laporan Pusat Pengurusan Bencana MAFS merekodkan kerosakan dan kerugian itu meliputi sekitar 24,700 hektar kawasan pertanian.

Beliau berkata kerosakan dan kerugian itu melibatkan 12,000 orang petani, penternak serta pengusaha agromakanan di seluruh negara.

"Bagi meringankan beban ditanggung, program MAFS Prihatin menyediakan 6,700 kit sedia untuk dimasak, 3,000 kit sedia untuk dimakan dan 1,000 kit kebersihan kepada komuniti agromakanan yang terjejas.

"Sumbangan tersebut melibatkan peruntukan RM1 juta sebagai menyantuni komuniti agromakanan yang terjejas akibat bencana di seluruh negara," katanya selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Kit Bantuan Banjir kepada 350 warga MAFS Kelantan hari ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha MAFS Haslina Abdul Hamid.

Bagaimanapun, Mohamad berkata bekalan makanan negara masih terjamin.

"Bekalan makanan terjamin dan mencukupi kerana banjir hanya di pantai timur... di pantai barat tidak terancam sangat," katanya.

Headline	RM110mil wiped out of agricultural sector due to floods		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	06 Jan 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	6	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	188 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,663
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,989



莫哈末沙布（右）分派水灾援助物资予其中一名受灾农民。（马新社图）

農長：1.2萬業者受影響 水災重創農業損1.1億

（哥打峇魯5日讯）农业及粮食安全部长莫哈末沙布表示，上个月东北季风所造成的水灾，导致国内农业和农业产品遭受破坏，损失高达1亿1195万令吉。

他说，根据该部门天灾管理中心的报告，受水灾破坏的农地多达2万4700公顷，全国共1万2000名农民、畜牧者及农业产品业者受影响。

派总值100万援助品

他表示，为减轻农民及相关领域业者的经济负担，该部门通过关爱活

动，为受影响的农民提供援助，当中包括6700份的可烹煮物资、3000份即食物资，以及1000份用于清洗的物资。

“这些物资总值100万令吉，将派发给全国受影响的农民及农产品社区。”

他今天在吉兰丹州派发350份水灾援助物资给受灾农民后，这么表示。一同出席者包括农业及粮食安全部秘书长拿督哈斯丽娜。

无论如何，莫哈末沙布表示，国内目前的粮食供应受到保障。



06 JAN, 2023

Time needed in order for egg supply to stabilise

China Press, Malaysia

Page 1 of 2

農長：滿足消費者需求 雞蛋供應需時回穩

（哥打峇魯5日讯）农业和食品保障部长莫哈末沙布说，政府需要时间恢复鸡蛋市场供应稳定，以满足消费者需求。

他说，恢复粮食市场供应稳定，需要花上一些时间，毕竟粮食生产及收成，与水灾和虫害等课题息息相关。

“虽然如此，政府致力恢复鸡蛋供应稳定，所采取的措施包括允许入口鸡蛋。”

他今日在大马联邦农业销售局（FAMA）派发水灾物资，给受灾的农牧业者。

莫哈末沙布也说，去年东北季风风吹袭引发水灾，导致农牧业者面临高达11亿195万令吉经济损失。

他说，当时全国1万2000名农牧业者受灾，约2万4700公顷农地被淹没，农作物被洪水摧毁了。

“国内的粮食供应不受影响，因为西海岸没水灾。农业部拨款100万令吉，为受灾农产业者提供6700份粮食、3000份食物和1000份卫生用品。其他包括提供农具。”



06 JAN, 2023

Time needed in order for egg supply to stabilise

China Press, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

農長：滿足消費者需求

雞蛋供應需時回穩(哥打峇魯5日訊) 农业和食品保障部长莫哈末沙布说，政府需要时间恢复鸡蛋市场供应稳定，以满足消费者需求。他说，恢复粮食市场供应稳定，需要花上一些时间，毕竟粮食生产及收成，与水灾和虫害等课题息息相关。“虽然如此，政府致力恢复鸡蛋供应稳定，所采取的措施包括允许入口鸡蛋。”他今日在大马联邦农业销售局 (FAMA) 派发水灾物资，给受灾的农牧业者。莫哈末沙布也说，去年东北

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2023	SINAR HARIAN	NEGERI SEMBILAN	25

Pengusaha ladang ayam diberi amaran akhir

Berdepan penutupan terus jika gagal atasi masalah gangguan lalat

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI
JELEBU

Kerajaan Negeri Sembilan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas dengan menutup sebuah ladang ternakan ayam berhampiran Felda Titi di sini jika pengusahanya gagal menyelesaikan masalah gangguan lalat di kawasan berkenaan yang terus membelenggu penduduk.

Exco Pertanian dan Keterjaminan Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, pihak pengurusan ladang ayam telah diberi peluang terakhir agar mengambil tindakan menyelesaikan masalah itu.



BAKRI

“Jika pihak pengusaha masih gagal menyelesaikan masalah tersebut, dia akan berdepan penarikan lesen operasi buat selama-lamanya.

“Masalah gangguan lalat di kawasan berkenaan berulang disebabkan perubahan pengurusan baharu ladang ternakan ayam yang diambil alih tahun lalu.

“Saya berikan peluang terakhir kepada pengurusan baharu ini untuk perbaiki kekurangan yang ada kerana pengurusan sebelum ini telah berjaya mengatasi masalah itu,” katanya dalam satu kenyataan kepada media pada Khamis.

Sinar Harian pada April tahun lalu melaporkan mengenai gangguan lalat yang berlaku sehingga mengganggu aktiviti harian selain menjejaskan penduduk membuat persiapan Aidilfitri.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS) turut mengantung lesen operasi ladang ayam berkenaan susulan daripada aduan diterima.

Pergantungan operasi itu bagi membolehkan syarikat yang meng-



Laporan Sinar Harian berhubung masalah lalat yang berlaku.

uruskan ladang ayam berkenaan mengatasi masalah serangan lalat tersebut.

'Mereka seolah-olah sudah mengawal perairan negara'

Bayan Lepas: Bermula dengan jumlah kecil, bilangan nelayan warga asing yang menangkap ikan di perairan Teluk Kumbar di sini, terus bertambah malah dianggarkan, hampir 100 bot nelayan warga asing terbabit dikesan di perairan berkenaan ketika ini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Pulau Pinang Arshad Omar berkata, keadaan itu menimbulkan kekusaran dalam kalangan komuniti nelayan berikutan pelbagai isu di perairan berkenaan.

Katanya, sudahlah dilema isu Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR) yang tidak berkesudahan, kini perairan Teluk Kumbar yang kecil itu pula sesak dengan kehadiran nelayan asing.

"Pada asalnya, warga asing ini yang berpengalaman dalam bidang ini datang ke sini mengikut 'tauke ikan' dan selepas mempunyai pendapatan lumayan, mereka bawa lebih ramai rakan.

"Isunya di sini bukan kerana kami ta-



Pada asalnya, warga asing ini yang berpengalaman dalam bidang ini datang ke sini mengikut 'tauke ikan' dan selepas mempunyai pendapatan lumayan, mereka bawa lebih ramai rakan"

Arshad Omar

kut sumber laut habis dikaut, tetapi warga asing ini seolah-olah cuba mengawal perairan dengan menangkap ikan mengikut cara kerja mereka yang tidak terurus selain membelakangi undang-undang.

"Mereka boleh pulang ke tempat asal untuk menangkap ikan kerana di sini, keadaan sudah terlalu sesak, ditambah pula dengan pelbagai isu, keadaan kami semakin rumit," katanya ditemui di Batu Maung di sini.

Menurut beliau, perkara itu sudah diadakan menerusi surat dikirim kepada agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perikanan negeri serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan katanya, pelbagai operasi giat dijalankan susulan laporan berkenaan.

"Kami difahamkan, ada dalam kalangan ne-

layan warga asing ini memiliki kad pengenalan dengan kod dari negeri seperti Kedah dan Perlis.

"Jadi, pergilah minta lesen di negeri masing-masing, mengapa perlu datang dan mohon lesen di sini," katanya lagi.

Arshad berkata, di perairan Pulau Pinang Selatan, ada 2,442 nelayan berdaftar di bawah 14 unit nelayan meliputi Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau hingga ke Pengkalan Sungai Pinang, Georgetown.

Berkaitan musim candat sotong bermula bulan ini bulan ini, Arshad berkata, biasanya nelayan asing terbabit akan datang dan tinggal di kawasan itu sepanjang tempoh kira-kira tiga bulan.

"Selepas itu, ada yang pulang semula ke tempat asal dan tidak kurang juga yang terus tinggal di sini," katanya.

NELAYAN ASING 'PIJAK KEPALA'

Kehadiran ratusan nelayan asing di Teluk Kumbar cetus kegusaran

Oleh Zuhainy Zulkiffi
am@hmetro.com.my

Bayan Lepas

"Sudahlah melanggar pukat nelayan sehingga mengalami kerosakan, mohon maaf pun tidak, apatah lagi mahu bayar ganti rugi.

"Nelayan asing ini 'main langgar' sahaja dan tindakan itu memang tidak bertanggungjawab."

Begitu luahan nelayan pantai, Mohd Fadli Othman, 34, yang resah dengan kehadiran kira-kira 100 nelayan asing di sekitar Teluk Kumbar di sini, sejak lebih 10 tahun lalu.

Mohd Fadli berkata, sebelum ini, nelayan asing yang datang dari beberapa negeri berhampiran juga kerap kali dilihat datang ke Teluk Kumbar menerusi laluan laut pada tengah malam.

"Cara kerja mereka me-



Ada juga pukat nelayan tempatan yang rosak akibat dilanggar bot nelayan asing namun mereka sama sekali tidak memaklukkannya kepada pemilik pukat"

Mohd Fadli

menangkap ikan sama sekali tidak beretika. Mereka tidak pedulikan nelayan tempatan malah melabuhkan pukat dengan sesuka hati termasuk di beberapa lokasi yang sudah dilabuhkan pukat (oleh nelayan tempatan) bagi penangkapan hasil

laut ter
"Coni
kan pul
tam sel
seperti
nyut ne
dapat
yang be
sejak le
Pada
Mohd I
ini jug
lampu
pukat s



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2023	HARIAN METRO	LOKAL	7



waktu malam. Akibatnya, berlaku pelanggaran dengan bot nelayan tempatan.

"Ada juga pukat nelayan tempatan yang rosak akibat dilanggar bot nelayan asing namun mereka sama sekali tidak memaklumkan kepada pemilik pukat.

"Akhirnya, pemilik pukat terpaksa me-

nanggung kerugian dan sesiapa sahaja pasti akan rasa terkilan," katanya lagi.

Sementara itu, nelayan yang mahu dikenali sebagai Ahmad, 60-an, berkata, masalah itu sudah diadukan kepada pihak berkaitan termasuk wakil nelayan asing terbabit namun keadaan masih sama sahaja sehingga ke hari ini.

"Jumlah nelayan asing itu sudah ramai di sini, malah mereka juga sudah membentuk penempatan.

"Bukan saja cara kerja kita pun mereka tidak boleh ikut, apatah lagi dengan budaya dan sosial," katanya lagi.



PERAIRAN negara kaya dengan pelbagai hasil laut sekali gus menarik perhatian nelayan asing untuk melakukan pencerobohan.

APMM usaha pasti perairan sentiasa a

Bayan Lepas: Operasi khas yang dijalankan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang seperti Op Pertiwi, Op Tanjung dan Op Benteng Laut adalah bagi memastikan perairan Pulau Pinang sentiasa aman dan terkawal serta selamat bagi digunakan mana-mana komuniti maritim.

Ia juga adalah usaha bagi menguatkuasa undang-undang persekutuan di Zon Maritim Malaysia terutama perairan Pulau Pinang dalam membanteras, mencegah dan menangkap sebarang pelanggaran jenayah termasuk rentas sempadan negara.

Pengarah APMM negeri, Kapten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, sejak Januari hingga November lalu, 4,370 bot diperiksa menerusi operasi berkenaan.

Katanya, daripada jumlah itu, 76 tangkapan dilakukan membatalkan pelbagai kes.

"Enam belas kes membatalkan penahanan warga asing yang bekerja di bot nelayan tempatan, bot sangkar ikan dan sangkar ikan.

"Mereka ini terdiri daripada warga Indonesia, Myanmar dan Thailand," katanya dihubungi di sini.

Mengulas lanjut, Abd Razak berkata, lima kes pula direkodkan membatalkan tangkapan bot nelayan asing di perairan berkenaan.

Manakala pengusiran bot nelayan asing yang memasuki perairan dituntut pula membatalkan 10 kes.

"APMM bukan sahaja menguatkuasakan undang-undang mengikut Akta Perikanan 1985 malah Akta Dadah

Berbahaya 1952, perdagangan O Penyeledupan dan lain-lain.

"Kejayaan bes lau Pinang ada dua tangkapan thamphetamine yang masing-malah 249.3 kilogram pada 2020,"

Dalam perkerkaitan, Abd Razk wasan membab dan maritim bel (Unresolved Ma dary) antara yar kasi utama penc layan asing di geri, berdasarkan kapan sejak Jani

"Kawa robof ada pa su it ni se pu lau nyak "Dari

nguatkuasaan, kita menjalink agensi penguat negara dalam n tiviti jenayah ko nyeludupan mi dadah dan jee sempadan," kati

Unresolved M dary terletak i nautika dari bar di, iaitu kawa yang dituntut dan Indonesia.

Hasil tangkap pasan pada 2021 melupuskan l asing dan ter peralatan men bernilai RM192 mendapat kep hak oleh mahka

Abd Razak be san yang dilaku kaedah hancur membatalkan l layan asing In bot fiber nelay 492 set bubu r pukat lohong.

Kes pelupusan membatalkan k ngikut Akta Pe seperti tiada kep kap ikan di pera penggunaan p nangkap ikan y benarkan dan tidak mempu pendaftaran.

"Mereka ini terdiri daripada warga Indonesia, Myanmar dan Thailand"
Abd Razak



Sayur turun RM2-RM4 sekilogram

Peniaga mula peroleh bekalan daripada pengusaha

Oleh Baharom Bakar
dan Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Harga beberapa sayuran yang dikatakan naik secara mendadak pada pertengahan bulan lalu turun antara RM2 hingga RM4 setiap kilogram sejak awal bulan ini.

Tinjauan di kedai Myfarm Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mendapati, harga sawi dijual RM5 sekilogram berbanding RM18, kubis bulat RM3 (RM5), tomato RM8 (RM12).

Sayur lain yang turun kantung RM10 sekilogram berbanding RM16, sawi manis RM8 (RM15), terung RM12 (RM18), lada besar RM14 (RM20), salad bulat RM12 (RM16) dan salad pokok RM20 (RM24).

Peniaga di Chendering, Muhammad Saifi Abdul Sallam Zamri, 26, berkata penurunan harga pelbagai jenis sayur berlaku sejak awal bulan ini.

"Penurunan harga disebabkan peniaga memperoleh bekalan secara terus daripada pekebun, termasuk pembekal di Cameron Highlands."

"Kita juga memperoleh bekalan pelbagai jenis sayur daripada pengusaha tempatan," katanya ketika ditemui semalam.

Muhammad Saifi juga mengakui berlaku peningkatan harga antara 45 hingga 70 peratus bekalan sayuran sejak pertengahan Disember lalu disebabkan cuaca, termasuk beberapa negeri dilanda banjir.

"Harga bekalan sayuran dijangka meningkat sedikit sempena cuti Tahun Baharu Cina nanti."

"Tetapi peningkatan harga sayur tidaklah setinggi ketika musim tengkujuh yang bermula sejak pertengahan bulan lalu," katanya.

Sedialaporan harian

Sementara itu, tinjauan di beberapa pasar awam di bandar raya Kuala Terengganu turut mendapati berlaku penurunan harga.



Muhammad Saifi (kiri) sedang melayani pelanggannya di kedai Myfarm FAMA di Chendering, semalam.

(Foto Baharom Bakar/BH)

Di Pulau Pinang, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang memaklumkan bekalan telur ayam di negeri itu masih mencukupi melalui pemeriksaan harian yang dijalankan.

Pengarahnya, S Jegan, berkata pemeriksaan menerusi Op Terjah yang dilaksanakan mendapati bekalan ayam mencukupi antara 50 hingga 60 peratus berbanding

sebelum ini. Katanya, setiap KPDN seluruh negeri diminta menyediakan laporan harian berkaitan bekalan makanan, termasuk telur ayam.

"Justeru, sebanyak 409 pemeriksaan dijalankan sejak 16 Disember lalu sehingga semalam (kelmarin) yang kita dapat bekalan telur ayam masih mencukupi."

"Ini berdasarkan kesimpulan kita yang mengkategorikan be-

kalan telur mengikut kod warna hijau (mencukupi), kuning (bekalan kurang) dan merah (tiada bekalan).

"Apa kita dapat kod warna hijau ada 337 (premis) mempunyai bekalan, 23 (premis) kuning kurang bekalan dan 12 lagi tiada bekalan. Secara keseluruhannya bekalan itu masih mencukupi dan berharap ia kekal sehingga musim perayaan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2023	KOSMO	NEGARA	15

Libatkan kemusnahan tanaman, ternakan 3,697 pengusaha di Terengganu

Sektor pertanian rugi RM48.7 juta

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN

KUALA TERENGGANU – Sektor pertanian di Terengganu terpaksa menanggung kerugian RM48.7 juta akibat bencana banjir luar biasa yang melanda negeri itu baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, kemusnahan hasil tanaman dan ternakan itu melibatkan 3,697 pengusaha di seluruh negeri ini.

"Kerugian tertinggi direkodkan bidang pertanian iaitu sebanyak RM39.2 juta melibatkan 2,555 warga tani di seluruh Terengganu.

"Bagi sub-sektor peternakan pula, nilai kerugian ialah sebanyak RM3.4 juta membabitkan 781 peternak, manakala sub sektor perikanan pula sebanyak RM6.1 juta melibatkan 361 orang peternak dan nelayan," katanya selepas menyampaikan Amanat Sektor Pertanian Terengganu di



AZMAN (lima dari kanan) bersama sebahagian kakitangan agensi pertanian, perikanan dan veterinar Terengganu pada majlis Amanat Sektor Pertanian Terengganu di Kuala Terengganu semalam.

sini semalam.

Banjir buruk yang melanda Terengganu bermula 17 hingga 21 Disember lalu disifatkan yang terburuk dalam tempoh hampir 40 tahun dengan menenggelamkan kesemua lapan daerah di negeri ini.

Azman berkata, Jawatankuasa Tabung Bencana Pertanian Negeri akan meneliti setiap laporan kerugian dialami semua pengusaha berkenaan dalam masa terdekat.

Beliau berkata, bantuan berbentuk sugu hati disalurkan kepada mereka sebagai meredakan beban dan mendorong kekal termotivasi dalam bidang masing-masing.

Dalam pada itu, Azman berkata, laporan berkaitan kerugian dalam tiga sektor tersebut dijangka siap sepenuhnya sebelum pertengahan bulan ini.

Jelas beliau, permohonan untuk mendapatkan dana bagi membantu mereka yang terkesan akibat bencana alam kali ini akan 'diangkat' pada awal Februari depan.